

10/06/2001

Majalah Varsiti 2001 palsu tidak ada kelas

KUCHING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata majalah Varsiti 2001 palsu yang didakwa diterbitkan Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) sebagai tidak mempunyai 'kelas'.

Timbalan Perdana Menteri yang sedih dengan penerbitan majalah itu, kesal ia dikaitkan dengan universiti tertua dan sering dikatakan universiti terbaik di negara ini.

"Tak ada kelas langsung, kalau nak ada artikel ilmiah yang sesuai untuk dibaca oleh pelajar pun tak ada.

"Justeru, kerajaan menyerahkan kepada pihak pengurusan universiti untuk mengambil tindakan lanjut," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini semalam.

Beliau mengulas pendedaran kira-kira 20 naskhah Majalah Varsiti 2001 edisi palsu yang memuatkan rencana antikerajaan, selain gambar demonstrasi serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpakaian "Firaun" yang menggunakan teknik grafik "super-imposed" komputer.

Di KUALA LUMPUR, MPMUM menjelaskan Varsiti edisi sebenar dalam proses penerbitan, mengandungi 42 bahagian dan menyentuh mengenai persatuan pelajar di Universiti Malaya (UM).

Presiden MPMUM, Mohamad Fuad Mohd Ikhwan, berkata Varsiti yang diedarkan itu palsu kerana muka depannya menyamai edisi tahun lalu dan banyak menggunakan teknik gambar bertindih.

"Kami tidak tahu apa motif edisi palsu itu diterbitkan kerana edarannya kecil," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Mohamad Fuad berkata, berikutan pendedaran majalah palsu itu, pihaknya membuat laporan polis Khamis lalu.

Sementara itu, Bahagian Perhubungan Awam UM dalam satu kenyataan, berkata Pengurusan UM telah mengadakan perjumpaan dengan Majlis Perwakilan Pelajar UM dan Persatuan Mahasiswa Islam UM untuk berbincang mengenai pendedaran majalah palsu itu dan mengenal pasti puncanya.

Rumusan perbincangan itu mendapati bahawa hasil penerbitan majalah itu adalah rendah mutunya dan terdapat cubaan meniru reka kulit muka majalah yang dikeluarkan tahun lalu.

Katanya, kebanyakan gambar dihasilkan melalui pengimbasan komputer dan super-imposed.

Teknik komputer itu membolehkan beberapa gambar berlainan digabungkan menjadi satu imej lain yang seakan-akan gambar sebenar.

"Pengurusan universiti menyokong langkah kedua-dua persatuan membuat laporan polis dan menafikan penglibatan persatuan dalam perkara ini. Siasatan akan diurus oleh polis," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menegaskan pengurusan universiti tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tatatertib jika siasatan polis mendapati ada pelajar UM terbabit dalam penerbitan majalah palsu berkenaan.

(END)